

26 OCT 1999

Mahathir-Mahkamah

PEGUAM ANWAR TIADA HAK PANGGIL SAYA KE MAHKAMAH, KATA PM

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata para peguam bekas Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak mempunyai hak untuk memanggil beliau ke mahkamah bagi memberi keterangan dalam perbicaraan liwat Anwar jika soalan yang hendak dikemukakan tidak ada kaitan dengan kes itu.

"Saya tidak fikir mereka mempunyai hak untuk memanggil saya memberi keterangan mengenai konspirasi atau arsenik (keracunan)," kata Dr Mahathir apabila ditanya pemberita sama ada beliau akan menghadiri perbicaraan liwat Anwar pada hari Khamis ini seperti yang diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur baru-baru ini.

Perdana Menteri ditanya wartawan mengenai perkara itu selepas beliau merasmikan Forum Perniagaan Afrika-Asia di sini hari ini.

"Kalau saya boleh memberi keterangan untuk menunjukkan perbuatan liwat itu berlaku dan Datuk Seri Anwar terbabit, maka saya akan hadir di mahkamah," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata dalam perbicaraan kes rasuah Anwar sebelum ini, para peguam Anwar mahu beliau hadir di mahkamah sebagai saksi mereka.

"Saya setuju. Mereka menulis surat kepada saya untuk meminta saya hadir di mahkamah," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau lalu bertanya mereka tentang soalan yang hendak mereka tanyakan, dan mereka menyatakannya.

Perdana Menteri berkata mereka memutuskan untuk tidak memanggil beliau ke mahkamah selepas beliau memberitahu mereka bahawa beliau akan hanya menjawab soalan mereka di mahkamah.

"Jadi sekarang saya bertanya mereka sekali lagi, apa soalan yang hendak mereka tanya kepada saya.

"Meskipun jika mereka mahu menemuramah saya, saya hendak tahu apa soalnya, sama ada ia ada kaitan dengan liwat atau tidak," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata soalan mengenai teori konspirasi dan dakwaan keracunan arsenik Anwar tidak merupakan sebahagian daripada perbicaraan liwat.

Dr Mahathir bagaimanapun menegaskan bahawa jika beliau dikehendaki hadir di mahkamah, "sudah tentulah saya akan hadir."

Apabila ditanya sama ada beliau sudah menerima sapena itu, Dr Mahathir berkata beliau belum menerimanya.

"Mungkin ia sudah disampaikan. Saya tidak tahu," kata beliau.

Di Mahkamah Tinggi hari ini Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah memberi notis bahawa pihak pendakwaan akan menimbang untuk memohon bagi mengenyahkan sapena terhadap Perdana Menteri untuk datang ke mahkamah atas alasan hubung-kaitnya dengan kes.

Mohtar berkata sapena itu dikeluarkan terhadap Perdana Menteri ekoran permohonan pihak pembelaan tertuduh kedua, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, dan bukan abang angkatnya, Anwar.

Anwar, 52, dan Sukma, 38, sedang dibicarakan bersama terhadap tuduhan meliwat Azizan Abu Bakar, 39, di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar di sini, pada satu malam, pukul 7.45, antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan, juga dituduh bersubahat dengan Anwar untuk meliwat Azizan, bekas pemandu peribadi isteri Anwar di tempat dan pada masa yang sama.

-- BERNAMA

ES RYN NMO